# Mahkamah diminta percepatkan komital terhadap Peguam Negara

Bernama | Oktober 22, 2019 05:21 MYT



Mahkamah kemudian menetapkan 4 Nov ini sebagai tarikh keputusan permohonan penangguhan komital dihadapi Peguam Negara. - Gambar fail

**SHAH ALAM**: Mahkamah Koroner di sini diminta untuk mempercepatkan prosiding permohonan komital (menghina mahkamah) berkaitan inkues kematian anggota bomba Muhammad Adib Mohd Kassim yang difailkan terhadap Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas.

Peguam yang mewakili keluarga Muhammad Adib, Mohamed Haniff Khatri Abdulla berkata ia kerana kes itu berunsur jenayah selain prinsip undang-undang pada masa kini yang tidak memberi kelonggaran pada mana-mana kes seperti itu ditangguhkan tanpa sebab yang kukuh.

"Prinsip undang-undang sekarang tidak memberikan kelonggaran untuk menangguhkan mana-mana prosiding (kes) semena-mena.

"Ia perlu ada hujah yang ketat (untuk tangguh), seperti kes Datuk Seri Najib Razak baru-baru ini di mana mahkamah mendapati kes yang berunsur jenayah tidak boleh ditangguhkan dan kes ini (komital) walaupun bukan 100 peratus jenayah tetapi ia tetap mempunyai unsur jenayah, jadi jika rujuk pada kes Najib tiada penangguhan boleh dibuat dan sepatutnya juga kes (komital) ini tidak ditangguhkan," katanya ketika ditemui pemberita selepas sesi hujahan berhubung permohonan penangguhan prosiding komital tersebut.

Mengulas lanjut, Mohamed Haniff Khatri berkata pihaknya juga tidak mahu kes komital itu ditangguhkan kerana kes tersebut mendapat perhatian semua pihak termasuk masyarakat.

"Kalau kita nak lengahkan kes ini payahlah. Bagi kami, mahkamah sepatutnya melaksanakan budi bicara dengan menolak penangguhan prosiding komital ini," katanya.

Terdahulu, dalam sesi hujahan di hadapan Koroner Rofiah Mohamad, Peguam Kanan